

## **PERSEPSI MASYARAKAT NEGERI MELAKA TERHADAP PERANAN MASJID KETIKA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**Jismi Md Salleh**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

**Mohd Syazwan Karim**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

**Nor Adila Kedin**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

**Shahitul Badariah Sulaiman**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

*Corresponding Author’s Email: jismi@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 24 May 2021*

*Accepted : 28 May 2021*

*Published : 1 October 2021*

### **ABSTRAK**

Sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi, masjid berfungsi bukan hanya sebagai tempat orang Islam melakukan ibadah khusus semata-mata, tetapi peranan masjid merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk di dalam menguruskan hal ehwal ekonomi penduduk sekitarnya. Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia bagi mengekang penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan secara langsung kepada masyarakat untuk menjalankan aktiviti ekonomi. Di dalam menghadapi saat sukar ini, timbul persoalan sama ada pihak masjid telah membantu ahli-ahli kariah di sesuatu kawasan dengan sewajarnya. Justeru, objektif utama kajian ini ialah untuk menganalisis persepsi masyarakat di negeri Melaka terhadap peranan masjid ketika tempoh perlaksanaan PKP. Kajian lapangan dijalankan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden-responden di negeri Melaka. Data yang diperolehi dianalisis secara kuantitatif dan turut diuraikan secara kualitatif agar aspek-aspek kekuatan dan kelemahan pengurusan masjid serta cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh responden dapat diperincikan dengan jelas. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa masyarakat di negeri Melaka mempunyai persepsi yang positif terhadap peranan masjid di dalam membantu ahli-ahli kariah yang terjejas kehidupan mereka semasa PKP tetapi beberapa aspek penambahbaikan perlu dilakukan. Kajian ini telah membuka ruang untuk kajian lain dilakukan terhadap bagaimana pihak masjid perlu memperbaiki peranannya agar lebih

berkesan di dalam membantu ahli-ahli kariah yang mengalami kesukaran hidup pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Masjid, Ahli Kariah, Perintah Kawalan Pergerakan, COVID-19, Bantuan

## ***PERCEPTION OF THE STATE OF MELAKA COMMUNITY ON THE ROLE OF THE MOSQUE DURING THE PERIOD OF THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)***

### **ABSTRACT**

*Since the time of Rasulullah SAW, the mosque has functioned not only as a place for Muslims to perform special worship, but the role of the mosque covers various aspects of human life, including in managing the economic affairs of the surrounding population. The implementation of the Movement Control Order (PKP) by the Malaysian government to curb the spread of the COVID-19 epidemic has had a direct impact on the community to carry out economic activities. In the face of this difficult time, the question arises whether the mosque has helped the parishioners in an area accordingly. Thus, the main objective of this study is to analyze the perception of the community in the state of Melaka on the role of mosques during the implementation period of PKP. The field study was conducted using a questionnaire distributed to respondents in the state of Melaka. The data obtained are analyzed quantitatively and also described qualitatively so that the aspects of strengths and weaknesses of mosque management as well as suggestions for improvement submitted by respondents can be clearly detailed. The findings of the study show that the community in the state of Melaka has a positive perception of the role of the mosque in helping parishioners whose lives were affected during the PKP but some aspects of improvement need to be done. This study has opened space for other studies to be done on how the mosque needs to improve its role to be more effective in helping parishioners who are experiencing difficulties in life in the future.*

**Keywords:** Mosque, Parishioner, Movement Control Order, COVID-19, Assistance

### **PENGENALAN**

Masjid ialah rumah ibadah khusus orang Islam dan memainkan pelbagai peranan yang utama kepada masyarakat umum, khasnya umat Islam. Fungsi utama masjid ialah menyediakan tempat khas bagi orang Islam melakukan ibadah khusus seperti solat berjemaah, membaca al-Quran dan seumpamanya. Namun begitu, terdapat pelbagai peranan signifikan lain yang perlu

dikendalikan oleh pihak masjid termasuk dalam menguruskan hal ehwal ekonomi orang Islam. Di dalam hubungan ini, masjid ialah di antara institusi yang sering dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebaikan ahli-ahli kariahnya. Menurut Abd Wahab et al, 2016, masjid seharusnya berperanan sebagai nadi ekonomi masyarakat setempat dan menjadi tempat agihan dana zakat, wakaf dan sedekah kepada pihak yang memerlukan.

Wabak COVID 19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah menyebabkan kerajaan Malaysia melaksanakan satu tindakan penting yang agak drastik iaitu dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 16 Mac 2020. PKP yang dilaksanakan mempunyai matlamat untuk memutuskan rangkaian jangkitan virus COVID-19 di kalangan penduduk-penduduk negara ini. Namun begitu, perlaksanaan PKP memberikan kesan secara langsung yang tidak dapat dielakkan kepada penduduk-penduduk di mana sebahagian daripada mereka tidak dapat meneruskan aktiviti-aktiviti ekonomi dan penjanaan pendapatan mahu pun hasil perniagaan akibat dari penutupan premis-premis perniagaan dan pejabat.

Semasa tempoh perlaksanaan PKP, pelbagai bentuk bantuan telah dihulurkan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan bagi meringankan beban rakyat di negara ini. Di dalam membantu ahli-ahli kariah di sesuatu kawasan, sebahagian besar masjid turut menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk seperti bantuan kewangan dan bahan makanan kepada umat Islam yang terkesan dengan perlaksanaan PKP. Masjid mampu memainkan peranan untuk membantu ahli-ahli kariah di sesuatu kawasan kerana ia mempunyai akses secara langsung kepada setiap ahli kariah.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mendalamai persepsi orang ramai khususnya ahli kariah masjid terhadap keberkesanannya peranan yang dimainkan oleh pihak masjid di dalam membantu ahli-ahli kariah semasa tempoh PKP agar status masjid sebagai sebuah institusi agama dapat terus dimartabatkan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Semasa tempoh PKP, persoalan timbul iaitu sama ada pihak masjid telah berkomunikasi dengan ahli-ahli kariah dan menjalankan tanggungjawab sosial yang sewajarnya di dalam membantu ahli-ahli kariah ini untuk menempuh saat sukar semasa tempoh PKP.

Tiga permasalahan utama akan diuraikan dengan terperinci di dalam kajian ini. Permasalahan pertama ialah sama ada wujudnya komunikasi yang berkesan di antara pihak masjid dengan ahli kariahnya semasa tempoh PKP. Permasalahan kedua ialah sama ada ahli kariah berpuashati atau tidak dengan pelbagai jenis bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, makanan dan lain-lain yang telah dihulurkan oleh pihak masjid semasa tempoh PKP. Seterusnya apakah persepsi ahli kariah terhadap keberkesanannya peranan yang telah dimainkan oleh pihak masjid di dalam membantu mereka yang mengalami masalah kewangan dan kesukaran hidup semasa tempoh PKP. Menurut Mahat et al (2021), terdapat kemungkinan jurang komunikasi yang besar di antara masjid dan golongan remaja di Malaysia akibat dari pandemik COVID-19 dan

usaha perlu dilakukan untuk mempertingkatkan semula keunggulan martabat institusi masjid di negara ini.

Keupayaan masjid untuk memainkan peranan yang berkesan kadangkala dipertikaikan oleh masyarakat umum melalui paparan di dalam media massa atau pun media sosial. Bagi merungkai permasalahan ini, kajian cuba memperolehi maklumbalas dari masyarakat mengenai bentuk kelemahan yang perlu diatasi dan penambahbaikan yang wajar dilakukan oleh pihak masjid di dalam menguruskan bantuan kepada ahli kariah. Di samping itu, wujud juga persoalan tentang apakah aspek-aspek positif berkaitan peranan pihak masjid semasa tempoh PKP yang boleh dijadikan rujukan oleh masjid yang lain.

Adalah amat membimbangkan sekiranya pihak masjid tidak melakukan tindakan yang berkesan untuk membantu ahli-ahli kariah yang menghadapi kesulitan di dalam meneruskan kelangsungan hidup sekiranya masjid berkenaan mungkin mempunyai baki wang simpanan yang besar jumlahnya. Justeru, kajian akan cuba untuk menghuraikan setiap permasalahan di atas dengan memperolehi maklumbalas dari ahli kariah sendiri selaku ‘stakeholder’ atau pemilik bersama ses sebuah masjid.

## KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai fungsi institusi masjid yang diperlakukan pada zaman Rasulullah SAW seperti sebagai pusat penyebaran ilmu Islam, pusat mengagihkan zakat dan sedekah, tempat mesyuarat dan perbincangan ahli-ahli politik, pusat pertemuan delegasi-degasi kedutaan asing, tempat beriadah dan lain-lain lagi (Ab Rahman & Mohd Faisal Yeap, 2019). Hubungan di antara masjid dan masyarakat Islam tidak dapat dipisahkan kerana masjid adalah tunggak dan nadi pusat kegiatan umat Islam (Abd Wahab et al, 2016). Masjid bukanlah sebuah institusi yang bersifat keuntungan, maka ianya menjadi suatu cabaran terhadap pegawai dan ahli jawatankuasa masjid dalam membuat perancangan untuk memperkasakan masjid (Muhammad Sabri & Tonot, 2017). Dana kewangan masjid perlulah digunakan untuk kepentingan pembangunan masyarakat Islam dan tidak terhad dalam bidang keagamaan semata-mata bahkan ianya mencakupi bidang perekonomian ummah (Mohd Hussin et al, 2017).

Di Malaysia, perlaksanaan PKP yang bermula pada 16 Mac 2020 telah memberikan banyak kesan luar jangka baik kepada pelbagai sektor ekonomi mahu pun masyarakat. Terdapat beberapa laporan di media utama tentang impak krisis COVID-19 dan PKP terhadap sektor ekonomi, terutama sektor pertanian (Fabeil et al, 2020). Manakala itu, pematuhan amalan sosiobudaya dalam kehidupan sehari-hari sepanjang PKP berlangsung telah menjadikan aktiviti harian menjadi perlahan dan mengalami keterbatasan pergerakan kerana kekangan pematuhan cara hidup yang perlu dipatuhi (Basir et al, 2020).

Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yasin dalam Perutusan Khas Hari Pekerja 2020 yang disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen pada 1 Mei 2020 yang lalu berkata, Malaysia kerugian sekitar RM2.4 bilion setiap hari, sepanjang tempoh PKP

dilaksanakan (Berita Harian, 2020). Sekiranya keadaan ini berterusan, kemampuan pekerja untuk menerima gaji mungkin terjejas, dan mereka berhadapan dengan risiko kehilangan pekerjaan.

Peranan institusi masjid sebagai pemangkin kepada ekonomi ummah sangat relevan diketengahkan mengambil kira senario semasa pada ketika ini. Pengurusan derma awam yang cekap dan sistematik oleh institusi masjid terbukti bukan sahaja mampu menampung perbelanjaan institusi masjid malah memberi impak yang besar kepada ekonomi masjid dan masyarakat setempat. Wang daripada sumber derma awam ini perlulah dimanfaat dan dijana untuk menambah pendapatan ekonomi masjid, sehingga tahap ia mampu memperkasa ekonomi ummah, mewujudkan peluang pekerjaan dan akhirnya membasi kemiskinan (Adnan & Mohammad, 2017). Menurut Mohd Ramli et al (2009), masjid mempunyai peranan yang penting di dalam sistem ekonomi Islam di dalam menyalurkan dana daripada unit yang mempunyai lebahan kekayaan kepada bentuk-bentuk program yang dapat memberi pulangan dan manfaat kepada masyarakat Islam. Sebaliknya, pengurusan kewangan yang tidak cekap akan memberikan kesan kepada masjid dan masyarakat Islam di sekelilingnya (Ashaari & Mokhtar, 2018).

Selain menjadi tempat umat Islam berkumpul untuk menunaikan solat secara berjemaah, masjid juga mempunyai pelbagai peranan lain yang lebih luas seperti sebagai pusat dakwah, tempat orang-orang Islam mempelajari ilmu-ilmu agama, pusat ekonomi dan pusat aktiviti masyarakat setempat (Ramli et al, 2014). Pendapat ini disokong oleh Abdul Hamid et al (2019) yang menyatakan bahawa institusi agama ini menjadi tempat pertemuan yang tidak terhad sebagai tempat solat semata-mata, malahan ia turut berperanan sebagai pusat pembangunan masyarakat, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, siasah, ekonomi, sosial dan sebagainya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi masyarakat terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak masjid di dalam membantu ahli kariah yang terjejas semasa tempoh PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia akibat penularan wabak COVID-19. Golongan yang terjejas dari segi kewangan termasuk mereka yang tidak dapat keluar bekerja bagi menjana pendapatan, mereka yang tidak dapat menjalankan perniagaan, mereka yang terputus bekalan makanan atau mereka yang kehabisan sumber kewangan.

Secara spesifiknya, kajian ini mempunyai objektif untuk menganalisis persepsi masyarakat terhadap aspek-aspek berikut:

- i. keberkesanan hubungan komunikasi di antara pihak masjid dengan ahli kariah sewaktu tempoh PKP;
- ii. kesesuaian bentuk bantuan yang disalurkan oleh pihak masjid kepada ahli kariah semasa tempoh PKP; dan
- iii. keberkesanan peranan pihak masjid di dalam membantu ahli kariah yang terjejas semasa tempoh PKP.

Di samping itu, kajian turut menghuraikan pandangan responden terhadap kelemahan-kelemahan umum yang mungkin terdapat di dalam pengurusan agihan bantuan oleh pihak masjid. Cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh ahli kariah turut diketengahkan bagi tujuan penambahbaikan terhadap fungsi masjid.

Kajian ini difokuskan kepada peranan pihak masjid di dalam membantu ahli kariah semasa perlaksanaan PKP. Justeru, fungsi-fungsi masjid yang lain seperti penyediaan ruang solat, pengendalian kuliah agama dan sebagainya adalah di luar skop objektif kajian dan tidak dibincangkan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Kajian dimulakan dengan kaedah pensampelan data melalui borang soal selidik.

### **Kaedah Persampelan**

Responden yang dipilih untuk kajian ini ialah penduduk beragama Islam di Negeri Melaka yang berumur 18 tahun dan ke atas. Bagi memudahkan proses penentuan bilangan sampel yang perlu diambil agar bilangan sampel dapat mewakili kesemua populasi, penyelidik telah menggunakan jadual penentuan sampel Krejcie & Morgan (1970) sebagai rujukan. Berdasarkan kepada Jadual Persampelan Krejcie & Morgan, sampel yang perlu diambil dalam kajian ini adalah 384 sampel meramandangkan bilangan populasi di negeri Melaka ialah 872,900 orang penduduk pada tahun 2015 (Sumber: [www.melaka.gov.my](http://www.melaka.gov.my) – Portal rasmi kerajaan Negeri Melaka). Responden kemudiannya dipilih melalui teknik persampelan mudah, iaitu hanya responden Islam yang bersetuju untuk menjawab borang soal selidik dijadikan sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan mudah amat sesuai bagi kajian ini kerana ia merupakan teknik yang mudah, cepat dan berkesan. (Chua, 2014)

### **Instrumen Kajian**

Bagi mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan, kajian lapangan telah dijalankan oleh penyelidik dengan menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen utama dalam menjalankan pensampelan data. Berikutan saiz populasi yang besar, maka penggunaan borang kaji selidik sebagai kaedah pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan. Proses pembangunan instrumen kajian melibatkan input daripada pelbagai pihak yang berkepentingan. Instrumen yang dibina kemudian diberikan kepada pakar dalam tujuan pengesahan isi ('Content Validity') dan item daripada instrumen tersebut telah dimurnikan bagi tujuan mendapatkan keputusan yang tepat.

Borang-borang kaji selidik telah diedarkan kepada ahli-ahli kariah (penduduk Islam yang tinggal di sesuatu kawasan di mana masjid didirikan dan berada di bawah penyeliaan jawatankuasa masjid tersebut) yang tinggal di

negeri Melaka yang merangkumi tiga daerah utama iaitu Bandar Melaka, Jasin dan Alor Gajah. Kariah ialah sesuatu kawasan di mana masjid didirikan. Borang kaji selidik ini mengandungi 23 soalan keseluruhannya dan dibahagikan kepada lima (5) bahagian seperti berikut:

**Bahagian A** terdiri daripada 5 soalan berkisarkan latar belakang dan demografi responden termasuk jantina, umur, taraf perkahwinan, pekerjaan dan daerah tempat tinggal.

**Bahagian B** terdiri daripada 4 soalan dengan pemfokusan kepada persepsi responden terhadap komunikasi antara pihak masjid dengan ahli kariah sewaktu tempoh PKP.

**Bahagian C** terdiri daripada 6 soalan dengan pemfokusan kepada persepsi responden terhadap bantuan yang disalurkan oleh pihak masjid semasa tempoh PKP.

**Bahagian D** terdiri daripada 5 soalan dengan pemfokusan kepada persepsi responden terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak masjid dalam membantu ahli kariah yang terjejas semasa tempoh PKP.

Setiap soalan di Bahagian B,C dan D di dalam kajian ini telah menggunakan skala jenis likert 4 skor, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Skala jenis Likert 4 Skor

| Skala               | Skor |
|---------------------|------|
| Sangat setuju       | 4    |
| Setuju              | 3    |
| Tidak setuju        | 2    |
| Sangat tidak setuju | 1    |

**Bahagian E** terdiri daripada 2 soalan berjenis terbuka di mana responden diberikan kebebasan untuk memberi pandangan umum terhadap sebarang kelemahan di dalam sistem pengurusan masjid sewaktu PKP dan mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam tatacara pengurusan bantuan oleh pihak masjid.

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0. Kajian berbentuk deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data dengan tujuan untuk menerangkan sesuatu situasi jelas yang berlaku semasa kajian dijalankan. Data dianalisis menggunakan nilai kekerapan dan peratusan bagi memudahkan kefahaman dan kesimpulan dibuat melalui data ini. Secara keseluruhan, soal selidik yang dibangunkan mempunyai tahap kebolehpercayaan (‘reliability’) yang tinggi dengan Cronbach-  $\alpha$  bagi semua pengukuran ialah 0.975.

## ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Maklumbalas dari borang kaji selidik telah diperolehi secara atas talian daripada 389 orang responden. Data demografi responden yang diperolehi dari kajian dipaparkan di dalam jadual berikut:

Jadual 2: Demografi Responden

| Jantina                 | Kekerapan | Peratus (%) |
|-------------------------|-----------|-------------|
| Lelaki                  | 237       | 60.9        |
| Perempuan               | 152       | 39.1        |
| Umur                    | Kekerapan | Peratus (%) |
| 18 - 30 tahun           | 52        | 13.4        |
| 31 - 40 tahun           | 95        | 24.4        |
| 41 - 50 tahun           | 120       | 30.8        |
| 51 - 60 tahun           | 90        | 23.1        |
| 61 tahun dan ke atas    | 32        | 8.2         |
| Taraf Perkahwinan       | Kekerapan | Peratus (%) |
| Bujang                  | 49        | 12.6        |
| Berkahwin               | 333       | 85.6        |
| Duda/Balu               | 7         | 1.8         |
| Tempat Tinggal          | Kekerapan | Peratus (%) |
| Melaka tengah           | 148       | 38          |
| Alor Gajah              | 209       | 53.7        |
| Jasin                   | 32        | 8.2         |
| Pekerjaan               | Kekerapan | Peratus (%) |
| Pelajar                 | 27        | 6.9         |
| Pekerja sektor awam     | 188       | 48.3        |
| Pekerja sektor swasta   | 67        | 17.2        |
| Peniaga/Bekerja sendiri | 37        | 9.5         |
| Pesara                  | 46        | 11.8        |
| Suri rumah              | 18        | 4.6         |
| Penganggur              | 6         | 1.5         |
| Jumlah                  | 389       | 100         |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, responden terdiri dari 237 orang (60.9%) ahli kariah lelaki dan 152 orang (39.1%) ahli kariah perempuan. Majoriti responden adalah berumur 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 120 orang (30.8%), manakala minoriti responden adalah berumur 61 tahun ke atas iaitu sebanyak 32 orang (8.2%). 333 orang (85.6%) responden telah berkahwin manakala 49 orang (12.6%) daripadanya masih bujang. Hanya 7 orang (1.8%)

berstatus duda atau balu. Majoriti responden tinggal di daerah Alor Gajah iaitu sebanyak 209 orang (53.7%), 148 orang (38%) tinggal di daerah Melaka Tengah dan selebihnya iaitu 32 orang (8.2%) tinggal di daerah Jasin. Dari sudut kerjaya pula, jadual menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada pekerja sektor awam iaitu sebanyak 188 orang (48.3%), manakala minoriti adalah penganggur iaitu sebanyak orang (1.5%).

Perincian dapatan kajian tentang persepsi responden terhadap komunikasi antara pihak masjid dengan ahli kariah sewaktu tempoh PKP akibat wabak COVID-19 dinyatakan di dalam jadual berikut:

**Jadual 3: Persepsi Responden Terhadap Komunikasi Antara Pihak Masjid Dengan Ahli Kariah**

| Persepsi responden terhadap  | Peratus (%)                      |                        |               |                         |
|--|----------------------------------|------------------------|---------------|-------------------------|
|  | Sangat<br>Tidak<br>Setuju<br>(1) | Tidak<br>Setuju<br>(2) | Setuju<br>(3) | Sangat<br>Setuju<br>(4) |
| 1. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya sering menyampaikan maklumat berkaitan tawaran bantuan kepada ahli kariah semasa tempoh PKP.                              | 8.5                              | 21.3                   | 36.5          | 33.7                    |
| 2. Maklumat disalurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya kepada ahli kariah melalui media sosial seperti aplikasi whatsapp semasa tempoh PKP.             | 8.7                              | 18.8                   | 37            | 35.5                    |
| 3. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya memaklumkan nombor telefon Ahli Jawatankuasa Masjid yang boleh dihubungi oleh ahli kariah yang memerlukan bantuan.        | 15.4                             | 17.5                   | 32.4          | 34.7                    |
| 4. Ahli Jawatankuasa masjid di kawasan tempat tinggal saya memberikan respon dan maklumbalas segera terhadap aduan atau permohonan bantuan yang dibuat oleh ahli kariah. | 9                                | 20.6                   | 40.4          | 30.1                    |

Berdasarkan Jadual 3 di atas, 70.2% responden bersetuju (33.7% sangat setuju dan 36.5% setuju) dalam menyatakan pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka sering menyampaikan maklumat berkaitan tawaran bantuan kepada ahli kariah semasa tempoh PKP. Data ini disokong oleh 72.5% responden yang bersetuju (35.5% sangat setuju dan 37% setuju) dalam

menyatakan maklumat disalurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka kepada ahli kariah melalui media sosial seperti aplikasi whatsapp semasa tempoh PKP. Hanya 67.1% responden bersetuju (34.7% sangat setuju dan 32.4% setuju) dalam menyatakan pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka memaklumkan nombor telefon ahli Jawatankuasa Masjid yang boleh dihubungi oleh ahli kariah yang memerlukan bantuan. Manakala itu, 70.5% responden bersetuju (30.1% sangat setuju dan 40.4% setuju) dalam menyatakan ahli Jawatankuasa masjid di kawasan tempat tinggal mereka memberikan respon dan maklumbalas segera terhadap aduan atau permohonan bantuan yang dibuat oleh ahli kariah.

Berdasarkan analisis di atas, kajian mendapati bahawa pihak masjid telah berkomunikasi secara berkesan dengan ahli kariah yang berkenaan. Medium komunikasi secara atas talian lebih banyak digunakan oleh pihak masjid berbanding dengan komunikasi secara konvensional. Faktor ini mungkin turut mempengaruhi persepsi yang baik oleh ahli kariah tentang respon dan maklumbalas segera terhadap aduan atau permohonan bantuan yang dibuat oleh ahli kariah.

Persepsi responden terhadap bantuan yang disalurkan oleh pihak masjid semasa tempoh PKP akibat wabak COVID-19 pula diperincikan di dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Persepsi Responden Terhadap Bentuk Bantuan Yang Dihulurkan Kepada Ahli Kariah Yang Memerlukan Bantuan

| Persepsi responden terhadap   | Peratus (%)             |                        |                        |                         |
|---|-------------------------|------------------------|------------------------|-------------------------|
|   | Sangat<br>Setuju<br>(1) | Tidak<br>Setuju<br>(2) | Tidak<br>Setuju<br>(3) | Sangat<br>Setuju<br>(4) |
| 1. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya telah menyalurkan bantuan kepada ahli kariah yang terjejas dengan PKP seperti mereka yang tidak dapat keluar bekerja dan menguruskan perniagaan. | 8.5                     | 23.1                   | 36.5                   | 31.9                    |
| 2. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya menawarkan bantuan barang keperluan asas kepada ahli kariah yang terkesan secara langsung semasa tempoh PKP.                                     | 10                      | 19.5                   | 31.1                   | 39.3                    |
| 3. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya menawarkan bantuan kewangan kepada ahli kariah yang terkesan secara langsung semasa tempoh PKP.  | 17.2                    | 30.1                   | 27.8                   | 24.9                    |

|  |      |      |      |      |
|--|------|------|------|------|
| 4. Nilai bantuan yang dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya kepada ahli kariah yang terkesan semasa tempoh PKP adalah memadai.                                   | 9.8  | 22.4 | 43.4 | 24.4 |
| 5. Bentuk bantuan yang dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya kepada ahli kariah yang terkesan semasa tempoh PKP adalah sesuai dengan masalah yang mereka hadapi. | 9    | 23.4 | 37.5 | 30.1 |
| 6. Prosedur memohon bantuan yang ditawarkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya adalah mudah dan tidak menyukarkan pemohon.   | 11.6 | 21.3 | 38.6 | 28.5 |

Berdasarkan Jadual 4 di atas, 68.4% responden bersetuju (31.9% sangat setuju dan 36.5% setuju) bahawa pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka telah menyalurkan bantuan kepada ahli kariah yang terjejas dengan PKP seperti mereka yang tidak dapat keluar bekerja dan menguruskan perniagaan. Bantuan yang diberikan oleh pihak masjid kepada ahli kariah adalah dalam bentuk sumbangan kewangan dan barang keperluan asas. Ini dibuktikan dengan 70.4% responden bersetuju (39.3% sangat setuju dan 31.1% setuju) bahawa pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka menawarkan bantuan barang keperluan asas kepada ahli kariah yang terkesan secara langsung semasa tempoh PKP. Namun begitu, hanya 52.7% responden bersetuju (24.9% sangat setuju dan 27.8% setuju) dalam menyatakan pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka menawarkan bantuan kewangan kepada ahli kariah yang terkesan secara langsung semasa tempoh PKP. Bantuan ini dianggap mencukupi apabila 67.8% responden bersetuju (24.4% sangat setuju dan 43.4% setuju) dalam menyatakan nilai bantuan yang dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka kepada ahli kariah yang terkesan semasa tempoh PKP adalah memadai dan 67.6% responden bersetuju (30.1% sangat setuju dan 37.5% setuju) dalam menyatakan bentuk bantuan yang dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka kepada ahli kariah yang terkesan semasa tempoh PKP adalah sesuai dengan masalah yang mereka hadapi. Dari segi prosedur permohonan bantuan pula, 67.1% responden bersetuju (28.5% sangat setuju dan 38.6% setuju) bahawa prosedur memohon bantuan yang ditawarkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka adalah mudah dan tidak menyukarkan pemohon.

Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa kebanyakan masjid telah berusaha untuk memberikan bantuan kepada ahli kariah semasa tempoh PKP. Namun begitu, masih terdapat masjid yang agak kurang peka dan tidak begitu aktif di dalam menguruskan bantuan kepada ahli kariah yang mengalami kesukaran hidup. Meski pun dapatan ini hanya mewakili 31.6% dari jumlah

respon, masjid-masjid yang kurang aktif ini sewajarnya mencontohi masjid-masjid lain yang lebih aktif di dalam usaha menjaga kebajikan ahli kariah semasa PKP.

Persepsi responden terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak masjid dalam membantu ahli kariah yang terjejas semasa tempoh PKP akibat wabak COVID-19 diperincikan di dalam jadual berikut:

**Jadual 5: Persepsi Responden Terhadap Peranan Yang Dimainkan Oleh Pihak Masjid Dalam Memberikan Bantuan.**

| Persepsi responden terhadap  | Peratus (%)                      |                        |               |                         |
|--|----------------------------------|------------------------|---------------|-------------------------|
|  | Sangat<br>Tidak<br>Setuju<br>(1) | Tidak<br>Setuju<br>(2) | Setuju<br>(3) | Sangat<br>Setuju<br>(4) |
| 1. Saya percaya bahawa pihak masjid atau surau di kawasan tempat tinggal saya menyimpan perincian data dan rekod agihan kepada penerima bantuan semasa tempoh PKP.   | 10.8                             | 22.9                   | 41.9          | 24.4                    |
| 2. Bantuan kepada ahli-ahli kariah yang terkesan semasa PKP dihulurkan dalam tempoh masa yang cepat oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya.                | 9.3                              | 23.4                   | 39.8          | 27.5                    |
| 3. Bantuan telah dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya secara adil dan saksama kepada ahli-ahli kariah yang terkesan dengan perlaksanaan PKP.  | 9.5                              | 21.3                   | 42.4          | 26.7                    |
| 4. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya telah berusaha sedaya mungkin untuk menjaga kebajikan ahli-ahli kariah semasa tempoh PKP.                             | 8.7                              | 20.6                   | 39.1          | 31.6                    |
| 5. Pihak masjid di kawasan tempat tinggal saya memainkan peranan yang berkesan di dalam menghulurkan bantuan kepada ahli-ahli kariah semasa tempoh perlaksanaan PKP. | 9.8                              | 21.1                   | 41.6          | 27.5                    |

Berdasarkan Jadual 5, di atas, 66.3% responden pula bersetuju (24.4% sangat setuju dan 41.9% setuju) dalam menyatakan mereka percaya bahawa pihak masjid atau surau di kawasan tempat tinggal mereka menyimpan perincian data dan rekod agihan kepada penerima bantuan semasa tempoh PKP.

Perincian data dan rekod ahli kariah adalah penting agar bantuan dapat disalurkan dengan tepat dan telus. Ini dibuktikan apabila 67.3% responden bersetuju (27.5% sangat setuju dan 39.8% setuju) bahawa bantuan kepada ahli kariah yang terkesan semasa PKP dihulurkan dalam tempoh masa yang cepat oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka. Selain itu, 69.1% responden bersetuju (26.7% sangat setuju dan 42.4% setuju) bahawa bantuan telah dihulurkan oleh pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka secara adil dan saksama kepada ahli kariah yang terkesan dengan perlaksanaan PKP. Sebanyak 70.7% responden (31.6% sangat setuju dan 39.1% setuju) dalam menyatakan pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka telah berusaha sedaya mungkin untuk menjaga kebajikan ahli kariah semasa tempoh PKP. Secara keseluruhan, 69.1% responden bersetuju (27.5% sangat setuju dan 41.6% setuju) bahawa pihak masjid di kawasan tempat tinggal mereka memainkan peranan yang berkesan di dalam menghulurkan bantuan kepada ahli kariah semasa tempoh perlaksanaan PKP.

Dapatkan di atas memberi gambaran bahawa majoriti ahli kariah bersetuju bahawa masjid di kawasan kediaman mereka telah memainkan peranan yang berkesan di dalam memberikan bantuan kepada ahli kariah semasa tempoh PKP. Namun begitu, perhatian masih perlu diberikan kepada kira-kira 30.9% respon yang menyatakan bahawa peranan masjid semasa tempoh PKP adalah kurang berkesan.

Kajian turut memperolehi maklumbalas dari responden yang memberikan cadangan bagi memperbaiki tatacara pengurusan agihan oleh pihak masjid dalam menghadapi suasana bencana. Cadangan-cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden telah diringkaskan mengikut kategori cadangan seperti dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Jadual 6: Cadangan Penambahbaikan Tatacara Pengurusan Bantuan Oleh Pihak Masjid

| Kategori                                       | Kekerapan | Peratus |
|--|-----------|---------|
| Komunikasi & Kerjasama                         | 79        | 29%     |
| Sistem Pengurusan Bantuan (Sistematik & Telus) | 46        | 17%     |
| Sistem Pengurusan Bantuan (Pengkalan Data)     | 67        | 25%     |
| Sumbangan Dana                                 | 22        | 8%      |
| Kepelbagai bentuk Bantuan                      | 22        | 8%      |
| Lain- lain                                     | 35        | 13%     |

Memandangkan PKP disebabkan oleh pandemik COVID-19 ini merupakan yang pertama kali berlaku di Malaysia, pelbagai bentuk cadangan telah diutarakan oleh responden dalam usaha memperbaiki bentuk dan tatacara pengurusan bantuan yang diberikan oleh pihak masjid kepada ahli kariah. Cadangan ini perlu diambil kira dalam usaha memperbaiki dan mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang bencana yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang. Berdasarkan Jadual 6 di atas, cadangan

penambahbaikan ini boleh dikelaskan kepada beberapa kategori iaitu Komunikasi & Kerjasama, Sistem Pengurusan Bantuan (Sistematik & Telus), Sistem Pengurusan Bantuan (Pengkalan Data), Sumbangan Dana, Kepelbagaiannya Bentuk Bantuan dan lain-lain.

Penambahbaikan pertama yang perlu dilakukan adalah dari segi Komunikasi & Kerjasama dengan peratusan 29% dari jumlah responden. Ini menunjukkan masih wujud masalah komunikasi dan kerjasama di antara ahli jawatankuasa masjid dan ahli kariah di negeri Melaka. Di antara cadangan yang diutarakan ialah dengan mempelbagaikan medium komunikasi di antara pihak masjid dan surau mengikut peringkat umur. Ini bagi memastikan segala maklumat berkaitan agihan bantuan dapat disampaikan dengan tepat dan cepat kepada ahli kariah.

Cadangan penambahbaikan kedua ialah terhadap Sistem Pengurusan Bantuan (Pengkalan Data) dengan peratusan 25% dari jumlah responden. Kebanyakan responden berpendapat bahawa jawatankuasa masjid di tempat mereka tidak mempunyai rekod ahli kariah yang telah dikemaskini. Ini telah menyebabkan terdapatnya ahli kariah yang layak tetapi tercicir dalam memperolehi bantuan. Di antara cadangan penambahbaikan yang diutarakan ialah supaya pihak masjid melakukan pemantauan berterusan serta bincian dari semasa ke semasa bagi tujuan mengemaskini pengkalan data masjid agar kemungkinan keciciran agihan bantuan kepada ahli kariah yang layak dapat dibendung.

Selain dari itu, penambahbaikan terhadap Sistem Pengurusan Bantuan (Sistematik & Telus) juga telah dicadangkan dengan peratusan 17% dari jumlah responden. Oleh kerana sistem pengkalan data yang tidak wujud atau tidak dikemaskini, responden menyuarakan kemungkinan agihan bantuan kepada ahli kariah dilakukan secara kurang adil dan telus. Bagi menangani masalah ini, di antara cadangan yang diutarakan ialah dengan merekodkan segala bentuk bantuan yang diberikan serta melaporkannya kepada masyarakat umum di papan kenyataan masjid.

Cadangan penambahbaikan seterusnya ialah dari sudut Sumbangan Dana dan Kepelbagaiannya Bentuk Bantuan dengan masing-masing mempunyai peratusan 8% dari jumlah responden. Terdapat masjid yang tidak mempunyai dana mencukupi untuk menguruskan agihan kepada ahli kariah. Menurut responden, kekurangan ini boleh diperbaiki dengan memperolehi sumbangan dari badan bukan kerajaan (NGO), mewujudkan tabung bencana dan mengadakan aktiviti yang dapat menjana kewangan agar dapat digunakan pada masa akan datang. Selain itu, bantuan boleh dipelbagaikan agar dapat memenuhi keperluan ahli kariah. Ini kerana, keperluan setiap ahli kariah adalah tidak sama disebabkan oleh pekerjaan, bilangan ahli keluarga, keadaan kesihatan dan sebagainya.

Akhir sekali, terdapat juga cadangan-cadangan lain yang diutarakan seperti mewujudkan ahli jawatankuasa khas bencana agar tugas ahli jawatankuasa sedia ada tidak terjejas, dan pengagihan bantuan secara berterusan kepada ahli kariah supaya keperluan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dapat terus dipantau dari semasa ke semasa.

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Fungsi dan peranan sesebuah masjid merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia selaras dengan konsep Islam sebagai satu cara hidup. Masjid memainkan peranan yang sangat penting di dalam menjaga kebajikan ahli-ahli kariahnya agar prinsip persaudaraan di dalam Islam dapat terus didokong dan diamalkan. Sebagai institusi yang menjadi nadi kegiatan umat Islam, kepentingan hubungan di antara masyarakat Islam dan masjid sememangnya tidak dapat dinafikan. Justeru, kajian ini memberikan gambaran tentang pentingnya sesebuah masjid menyantuni anggota masyarakat yang mengalami kesukaran untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Kajian ini merumuskan bahawa sebahagian besar masjid di negeri Melaka telah menjalankan fungsi yang diharapkan sebagai sebuah institusi keagamaan yang turut membantu umat Islam yang terjejas kehidupan mereka semasa PKP. Pengurusan agihan bantuan bekalan makanan kepada ahli kariah yang terlibat telah dapat dilaksanakan dengan baik oleh kebanyakan masjid di negeri Melaka. Aspek-aspek positif yang telah diamalkan oleh sebahagian besar masjid di negeri ini sewajarnya dicontohi oleh masjid-masjid yang belum mengamalkannya.

Dari sudut keberkesanan komunikasi di antara pihak masjid dan ahli kariahnya, kajian ini mendapati bahawa media sosial seperti aplikasi “whatsapp” menjadi pilihan kebanyakan ahli jawatankuasa masjid untuk berhubung dengan ahli kariah dan menyampaikan maklumat berkaitan bantuan semasa tempoh PKP. Ahli-ahli kariah juga berpuashati dengan tempoh masa yang diambil oleh pihak masjid untuk menyampaikan agihan bantuan. Kajian turut merumuskan bahawa kebanyakan masjid meyalurkan bantuan dalam bentuk pengagihan barang keperluan harian berbanding dengan pemberian bantuan dalam bentuk wang tunai. Kajian juga menyimpulkan bahawa ahli-ahli kariah berpuashati dengan peranan yang telah dimainkan oleh pihak masjid di dalam menjaga kebajikan dan mengagihkan bantuan kepada ahli kariah semasa PKP.

Meski pun majoriti ahli kariah memberikan respon yang positif di dalam menyatakan persepsi mereka terhadap peranan pihak masjid semasa tempoh PKP, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian oleh sesetengah masjid yang lain pada masa hadapan. Terdapat maklumbalas supaya akses ahli kariah kepada pihak pengurusan masjid ditambahbaik seperti dengan memaparkan nombor telefon ahli jawatankuasa pengurusan masjid di tempat yang sesuai. Dapatkan kajian juga memperolehi gambaran tentang masih terdapatnya sebahagian masjid yang agak ketinggalan di dalam menggunakan aplikasi teknologi maklumat sebagai medium untuk berkomunikasi dengan ahli-ahli kariah setempat. Masjid-masjid juga perlu mempertimbangkan penambahbaikan dari aspek sistem pengurusan pengkalan data dan rekod agihan agar pengagihan bantuan dapat disempurnakan dengan lebih cepat, adil dan saksama.

Di samping itu, pihak masjid mungkin wajar meneliti semula kesesuaian bentuk bantuan yang diberikan agar ianya menepati keperluan ahli kariah yang

berbeza-beza. Sebagai contoh, pelajar-pelajar sekolah atau institusi pegajian tinggi mungkin memerlukan bantuan khusus dalam bentuk infrastruktur pendidikan seperti data internet untuk digunakan bagi tujuan pembelajaran secara atas talian sepanjang tempoh PKP. Justeru, kajian lain boleh dilakukan bagi mendalami peranan masjid di dalam menyantuni keperluan anak muda dan pelajar semasa tempoh PKP.

Sebagai kesimpulan umum, majoriti masyarakat di negeri Melaka mempunyai persepsi yang positif terhadap keberkesanannya peranan masjid di kawasan kediaman mereka di dalam menguruskan bantuan kepada golongan yang memerlukan semasa tempoh PKP. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh sebahagian masjid yang lain. Di dalam hubungan ini, adalah dicadangkan agar pihak jawatankuasa masjid melakukan penilaian kendiri terhadap keberkesanannya aktiviti dan tindakan yang telah dijalankan oleh pihak masjid di sepanjang tempoh PKP agar sebarang kelemahan dapat diatasi sekiranya negara berhadapan dengan situasi yang sama pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid, S., Abdul Rahman, M.N., Ismail, S., & Ishak, M.S. (2019). Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-masjid Terbaik. *e-Proceedings of 6<sup>th</sup> International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)* 30<sup>th</sup> October 2019 (eISBN: 978-967-13087-5-2).
- Abd Wahab, N., Ab Hamid, N. & Che Man, N. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219–229.
- Ab Rahman, A. & Mohd Faisal Yeap, M.J. (2019). Memperkasa Pengurusan Agihan Zakat di Institusi Masjid Malaysia: Isu dan Cabaran. 2, 73–83.
- Adnan, A. A. & Mohamad, M.T. (2017). Corak Perbelanjaan Dana Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran: Analisis Perbandingan Ke Arah Penjanaan Ekonomi. *Jurnal Mualamat*, Bil 10, 2017.
- Ashaari, M.F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 10(2), 205-223.
- Basir, N., Ab Rahim, I.S. & Abdul Halim, M.Z. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 11-31.
- Chua, Y.P. (2014). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*, Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Fabeil, N.F., Pazim, K.H. & Langgat, J. (2020). Impak Krisis COVID-19 Terhadap Sektor Pertanian: Strategi Saluran Pengagihan bagi Kesinambungan Perniagaan. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(1), 1-8.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.

- Mahat, M.A., Kedin, N.A., Salleh, J.M. & Omar, M.H.M. (2021). COVID-19: Masjid-youth engagement initiatives and communication barriers. *AIP Conference Proceedings* 2347, 020199 (2021). <https://doi.org/10.1063/5.0053197>.
- Mohd Hussin, M.Y., Muhammad, F., Hassan, M., Abdul Razak, A. & Habidin, N.F. (2015). Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjanaan ekonomi masjid. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 55-63.
- Mohd Ramli, A., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Abdul Aziz, M.A. (2009). Kerangka Pengurusan Ekonomi Dan Kewangan Masjid: Satu Analisa. In *Islamic Economic System (iECONS 2009) Conference*. Kuala Lumpur: Islamic Science University of Malaysia, 1-17.
- Mohd Ramli, A., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Abdul Aziz, M.A. (2014). Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid, WISDOM PUBLICATION Edisi Pertama, April 2014.
- Muhammad Sabri, M.F. & Tonot, H. (2017). Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid Terhadap Masjid Yang Diberi Pengiktirafan Bintang. *Journal of Business Innovation*, Vol 2 No. 1 / 2017: 25-41.
- Berita Harian Online (2020, 4 Mei) – PKPB Bantu Pulih Ekonomi, Kebajikan Rakyat Tetap Dijaga. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684899/pkpb-bantu-pulih-ekonomi-kebajikan-rakyat-tetap-dijaga>. Diakses pada 15 Disember 2020.
- Jabatan Perangkaan Malaysia - Laporan Survei Kesan Khas COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis\\_Survei\\_Khas\\_Kesan\\_COVID-19\\_Kepada\\_Ekonomi\\_dan\\_Individu-Laporan\\_Penuh.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Analisis_Survei_Khas_Kesan_COVID-19_Kepada_Ekonomi_dan_Individu-Laporan_Penuh.pdf). Diakses pada 20 Disember 2020
- Portal rasmi kerajaan Negeri Melaka. <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-melaka/demeografi-statistik>. Diakses pada 21 Disember 2020.